

**Soalan yang Sering Ditanya mengenai
Sewa Beli (HP)/Sewa Beli-i AITAB (AITAB HP-i)
Bantuan Pembayaran Balik / Pembayaran di bawah PEMULIH (TRA⁺)**

Pilihan 1 : Penangguhan Ansuran selama 6 Bulan


Pilihan 2 : Pengurangan 50% dalam ansuran bulanan selama 6 bulan

Bil.	Soalan	Jawapan
1.	Apakah Pilihan yang ada?	<p><u>Pilihan 1</u> Pelanggan diberi penangguhan ansuran selama 6 bulan dan pada akhir tempoh bulan ke-6, ansuran akan diteruskan pada ansuran bulanan asal pada bulan ke-7 dan seterusnya.</p> <p><u>Pilihan 2</u> Pelanggan perlu membayar 50% daripada ansuran bulanan sedia ada selama 6 bulan dan ansuran akan diteruskan pada ansuran bulanan asal pada bulan ke-7 dan seterusnya.</p>
2.	Siapakah yang layak?	<div style="border: 1px solid black; padding: 5px; margin-bottom: 10px;"> <p>Semua Pelanggan Individu (B40, M40 and T20) Semua Pelanggan Perniagaan Perusahaan mikro Semua Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) yang kedudukan kewangan mereka terjejas oleh pandemik COVID-19.</p> </div> <p>Yang di atas kecuali:</p> <ul style="list-style-type: none"> - Perniagaan Terjejas Kredit (tertunggak melebihi 90 hari) dan Bankrap / Perniagaan yang tidak tertakluk pada proses Penggulangan - Kemudahan diluluskan selepas 30 Jun 2021
3.	Sekiranya saya tidak layak untuk TRA ⁺ ini disebabkan terjejas kredit, adakah pilihan lain yang boleh membantu saya?	Pelanggan boleh menghubungi AKPK untuk berunding bagi program bantuan pembayaran balik yang mampan. Untuk pertanyaan, sila hubungi AKPK melalui 03-26167766 atau layari portal AKPK melalui www.akpk.org.my

**Soalan yang Sering Ditanya mengenai
Sewa Beli (HP)/Sewa Beli-i AITAB (AITAB HP-i)
Bantuan Pembayaran Balik / Pembayaran di bawah PEMULIH (TRA⁺)**

Pilihan 1 : Penangguhan Ansuran selama 6 Bulan

Pilihan 2 : Pengurangan 50% dalam ansuran bulanan selama 6 bulan

Bil.	Soalan	Jawapan
4.	Adakah faedah dikenakan atas amaun ansuran tertangguh?	<p>Ya, Faedah/Ganti rugi sebenar akan dicaj/diakru atas amaun ansuran tertangguh (bahagian pokok sahaja) pada Kadar Peratusan Semasa (APR) seperti yang dinyatakan dalam Perjanjian Sewa Beli/Sewa Beli-i AITAB semasa dari bermulanya tarikh penangguhan sehingga tarikh kematangan lanjutan atau sehingga ansuran tertangguh diselesaikan sepenuhnya.</p> <p>Sila rujuk ilustrasi di Lampiran 1.</p> <p>Kos sebenar yang terlibat akan dinyatakan dalam Makluman Kelulusan.</p>
 <p>The diagram shows a timeline starting with 'PILIH MASUK / PILIH PADA BULAN JULAI 2021'. It then branches into two paths: <ul style="list-style-type: none"> Pilihan 1: 'PENANGGUHAN SELAMA 6 BULAN DIBERI Dari Julai 2021 - Dis 2021'. This path shows a 'JULAI 2021' node followed by a 'Tarikh Matang' node. Below this path, it states 'Sambung ansuran bulanan asal' and 'Tempoh 6 bulan dilanjutkan untuk Pilihan 1'. Pilihan 2: 'Bayar 50% ansuran bulanan sekarang'. This path shows a 'JULAI 2021' node followed by a 'Tarikh Matang Dilanjutkan' node. Below this path, it states 'Tempoh 3 bulan dilanjutkan untuk Pilihan 2'. A box at the top indicates 'Faedah/Keuntungan Terakru atas amaun ansuran tertangguh (bahagian pokok sahaja)'.</p>		
5.	Berapa lamakah tempoh itu akan dilanjutkan?	Akan dilanjutkan seterusnya selama 6 bulan (untuk Pilihan 1) dan 3 bulan (untuk Pilihan 2)
6.	Adakah pelanggan yang menyertai bantuan pembayaran / bayaran bersasar (TRA) sebelum ini masih layak untuk bantuan pembayaran balik TRA ⁺ ini?	<p>Ya.</p> <p>a. Pelanggan yang sebelum ini memperoleh manfaat daripada TRA sebelum 1 Julai 2021 masih layak untuk bantuan pembayaran balik ini.</p> <p>b. Pelanggan yang Layak yang masih mendaftar untuk TRA boleh memohon untuk mengubah bantuan pembayaran balik tersebut.</p>

**Soalan yang Sering Ditanya mengenai
 Sewa Beli (HP)/Sewa Beli-i AITAB (AITAB HP-i)
 Bantuan Pembayaran Balik / Pembayaran di bawah PEMULIH (TRA⁺)**

Pilihan 1 : Penangguhan Ansuran selama 6 Bulan

Pilihan 2 : Pengurangan 50% dalam ansuran bulanan selama 6 bulan

Bil.	Soalan	Jawapan
7.	Apakah dokumen yang perlu dikemukakan?	Pelanggan tidak perlu mengemukakan apa-apa dokumen kerana ia adalah berdasarkan perakuan sendiri.
8.	Adakah bantuan pembayaran balik/pembayaran automatik?	<p>Tidak. Pelanggan boleh PILIH MASUK dan membuat pilihan mereka.</p> <p>Pilihan boleh dikemukakan melalui :</p> <p>a. Platform Dalam Talian atau</p> <p>b. Lengkapkan Borang PILIH MASUK / Permohonan TRA⁺ secara Manual Manual dan e-mel kepada hpcovidsupport@publicbank.com.my</p> <p>Sebagai alternatif, pelanggan boleh mengemukakan Borang Manual yang telah dilengkapi kepada Cawangan Pemegang Akaun / Pusat Sewa Beli / Hab Sewa Beli di mana Sewa Beli / AITAB Sewa Beli-i diperoleh atau mana-mana Pusat Pentadbiran Kredit.</p>
9.	Bagaimanakah untuk mengetahui sama pilihan itu telah berjaya?	<p>Resit akaun penerimaan permohonan akan diberi serta-merta.</p> <p>Makluman Kelulusan akan dihantar kepada pelanggan dalam tempoh 5 hari kalendar (untuk pemohon individu) / 14 hari kalendar (untuk pemohon perniagaan) dari tarikh pilihan dibuat.</p> <p><u>Nota:</u> Berikutan pandemik COVID-19 itu, penghantaran/pengemukakan dokumen (jika ada) boleh dibuat melalui kaedah elektronik termasuk e-Penerimaan seperti yang dibenarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal-Ehwal Pengguna menurut Akta Perdagangan Elektronik 2006.</p>

**Soalan yang Sering Ditanya mengenai
Sewa Beli (HP)/Sewa Beli-i AITAB (AITAB HP-i)
Bantuan Pembayaran Balik / Pembayaran di bawah PEMULIH (TRA⁺)**

Pilihan 1 : Penangguhan Ansuran selama 6 Bulan

Pilihan 2 : Pengurangan 50% dalam ansuran bulanan selama 6 bulan

Bil.	Soalan	Jawapan						
10.	Sekiranya saya PILIH MASUK untuk TRA ⁺ pada bulan Julai 2021, apakah tarikh kuat kuasa bagi bantuan pembayaran balik yang dipilih?	<table border="1" style="width: 100%;"> <thead> <tr> <th>Bulan Memohon PILIH MASUK</th> <th>Tempoh Penangguhan selama 6 Bulan</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Julai 2021</td> <td>Julai 2021 hingga Disember 2021*#</td> </tr> <tr> <td>Ogos 2021 (pilihan dibuat selepas bulan Julai 2021)</td> <td>Ogos 2021 hingga Januari 2022# (penangguhan selama 6 bulan akan bermula pada tarikh pilihan)</td> </tr> </tbody> </table> <p>*Untuk pilihan PILIH MASUK yang dikemukakan mulai 7 Julai 2021, tarikh kuat kuasa akan ditarikh undur kepada ansuran yang kena dibayar mulai 1 Julai 2021. Pelanggan boleh meminta untuk pengembalian balik wang untuk ansuran bulan Julai 2021 yang telah dibayar.</p> <p># Untuk permintaan/permohonan yang dikemukakan pada akhir bulan (iaitu 5 hari kalendar atau kurang sebelum akhir bulan) mungkin menyebabkan penangguhan/perjadualan semula terjejas pada bulan berikutnya.</p>	Bulan Memohon PILIH MASUK	Tempoh Penangguhan selama 6 Bulan	Julai 2021	Julai 2021 hingga Disember 2021*#	Ogos 2021 (pilihan dibuat selepas bulan Julai 2021)	Ogos 2021 hingga Januari 2022# (penangguhan selama 6 bulan akan bermula pada tarikh pilihan)
Bulan Memohon PILIH MASUK	Tempoh Penangguhan selama 6 Bulan							
Julai 2021	Julai 2021 hingga Disember 2021*#							
Ogos 2021 (pilihan dibuat selepas bulan Julai 2021)	Ogos 2021 hingga Januari 2022# (penangguhan selama 6 bulan akan bermula pada tarikh pilihan)							
11.	Bolehkah saya menolak Pilihan TRA ⁺ selepas membuat pilihan?	Ya. Permintaan bertulis untuk menolak pilihan boleh dikemukakan kepada Cawangan Pemegangan Akaun / Pusat Sewa Beli / Hab Sewa Beli / mana-mana Pusat Pengurusan Kredit di mana Sewa Beli /Sewa Beli-i AITAB diperoleh atau e-mel kepada hpcovidsupport@publicbank.com.my						
12.	Adakah TRA ⁺ mempunyai impak ke atas penafaran kredit dalam Sistem Maklumat Rujukan Kredit (CCRIS) Berpusat Bank Negara Malaysia (BNM)?	Tidak.						






Nota : Terminolgi Konvensional yang digunakan dalam dokumen ini membawa maksud yang sama dengan terminology perbankan Islamic

Terminolgi Konvensional	Terminolgi Islamic
Pinjaman	Pembiayaan
Interest / Hiring Charges	Keuntungan
Pembayaran Balik	Bayaran/Pembayaran
Ansuran	Sewa

**Soalan yang Sering Ditanya mengenai
 Sewa Beli (HP)/Sewa Beli-i AITAB (AITAB HP-i)
 Bantuan Pembayaran Balik / Pembayaran di bawah PEMULIH (TRA⁺)**

- Pilihan 1 : Penangguhan Ansuran selama 6 Bulan**
Pilihan 2 : Pengurangan 50% dalam ansuran bulanan selama 6 bulan

Lampiran 1

 Ilustrasi untuk Faedah/Ganti Rugi Sebenar yang dicaj untuk Bantuan Pembayaran Balik/Pembayaran Sewa Beli / Sewa Beli-i AITAB di bawah PEMULIH (Pilihan 1 & Pilihan 2)				
Amaun Pinjaman/Pembiayaan : RM80,000 Kadar Faedah/Keuntungan (APR) : 4.64% setahun Tempoh Pinjaman/Pembiayaan : 108 bulan				
	SEMASA Tiada Pilih Masuk bagi apa-apa RA di bawah PEMULIH	Pilihan 1 Penangguhan Ansuran selama 6 Bulan	ATAU	Pilihan 2 Pengurangan 50% dalam Ansuran Bulanan selama 6 Bulan
Ansuran bulanan untuk 6 bulan pertama	RM908	RM0 (Jul hingga Dis 2021)		RM454 (Jul hingga Dis 2021)
Jumlah ansuran tertangguh	N/A	RM5,448		RM2,724
Baki Tempoh	60 bulan	66 months (dilanjutkan selama 6 bulan)		63 months (dilanjutkan selama 3 bulan)
Faedah/Ganti Rugi Sebenar yang dicaj atas ansuran tertangguh (bahagian pokok sahaja)	N/A	RM1,032 (dikira untuk 66 bulan)		RM626 (dikira untuk 63 bulan)
Monthly Instalment From Jan'2022 onwards	RM908	RM908		RM908
Ansuran Akhir	RM844	RM1,876 (RM844 + RM1,032)		RM1,470 (RM844 + RM626)
 Faedah/Ganti rugi sebenar yang dicaj pada 4.64% setahun bagi bantuan pembayaran balik dan dikira atas dasar ansuran tertangguh akan dibayar semasa tempoh yang dilanjutkan. Faedah/Ganti rugi sebenar yang dicaj akan dipro rata/dikurangkan sekiranya ansuran tertangguh dibayar lebih awal.				
 Faedah/Ganti rugi sebenar yang dicaj akan dibayar bersama-sama dengan ansuran terakhir pada akhir tempoh penyewaan/pembiayaan yang dilanjutkan. Bagaimanapun, sekiranya amaun penuh (faedah/ganti rugi sebenar + ansuran akhir) tidak boleh diselesaikan sekali gus pada akhir tempoh berkenaan, pembayaran semula melalui ansuran adalah dibenarkan (jika diminta) dengan syarat tuntutan pemilikan oleh Bank tidak terjejas.				